

Unisza salur bantuan kemanusiaan ke Pattani



Kumpulan Konvoi Amal Pattani ketika memulakan perjalanan untuk melaksanakan misi bantuan kepada rakyat di negara berkeraan.

GONGBADAK - Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan (KPM) mengadakan program konvoi amal ke Pattani, Thailand, bagi menyalurkan bantuan perubatan kepada masyarakat di negara itu.

Program yang turut men-

dapat kerjasama Universiti Pattani, Thailand, Yayasan As-Salam dan Unisza Bikers itu merupakan aktiviti tahunan, dimana tahun sebelum ini ia berlangsung di Aceh, Indonesia.

Naib Canselor Unisza, Profesor Datuk Dr Yahaya Ibrahim berkata, seramai 19 pelajar dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) bersama 45 penunggang motosikal berkuasa tinggi terlibat dalam program bantuan kemanusiaan itu.

"Program amal ini telah dijadikan acara tahunan Unisza dan pada tahun depan kita akan memilih negara lain

pula untuk dikunjungi kerana kita sedar masih banyak masyarakat terutamanya di kawasan minoriti beragama Islam terpinggir dan memerlukan pembelaan.

"Dengan adanya program khusus yang turut menawarkan pelbagai perkhidmatan termasuk pemeriksaan kesihatan, gigi, bantuan makanan dan pakaiannya secara tidak langsung mengurangkan bebanan hidup mereka," katanya.

Yahaya berkata, ia selaras dengan matlamat Unisza muncul antara IPT yang menyumbang di persada



SUBUH	5:35
SYURUK	6:54
ZOHOR	12:53
ASAR	4:14
MAGHRIB	6:50
ISTYAK	8:01